

# **FAKTOR PENGHALANG PENERAPAN CIRI KEUSAHAWANAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENGIKUT PERSPEKTIF GURU**

Shahrin Hashim & Siti Hasmah Binti Mohammad  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut perspektif guru. Ianya melibatkan empat faktor iaitu pengetahuan, minat, sikap dan kurikulum. Kajian berbentuk deskriptif ini melibatkan responden seramai 94 orang guru dari empat buah sekolah yang berbeza. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik dan mengandungi 32 item yang berdasarkan kepada skop kajian. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dengan Alpha Cronbach dan nilai yang diperolehi ialah 0.86. Analisis deskriptif menggunakan nilai min, peratus serta kekerapan untuk menjawab persoalan kajian. Hasil dapatan menunjukkan pengetahuan merupakan faktor penghalang, manakala minat, sikap dan kurikulum bukan faktor penghalang dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Beberapa cadangan diberikan untuk mengatasi halangan penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

**Abstract:** This research was carried out to identify inhibiting factor in applying entrepreneurship characteristics in teaching and learning at school from teacher's perspective. It includes four factors that are knowledge, interest, attitude and curriculum. This descriptive research involved 94 teachers from four different schools as respondents. Research instrument was a set of questionnaire consisted of 32 items which based on the scope of this research. The reliability of the questionnaire was used Alpha Cronbach and the obtained value is 0.86. Descriptive analyzed used the values of min, percent and frequency to answer research question. The output shows that knowledge is inhibiting factor, meanwhile interest, attitude and curriculum is not the inhibiting factor to apply entrepreneurship characteristics in teaching and learning. Several recommendations had been proposed to overcome the inhibiting in applying entrepreneurship characteristics in teaching and learning.

*Katakunci:* keusahawanan, pengajaran dan pembelajaran

## **Pengenalan**

Usaha untuk menerapkan ciri keusahawanan dalam pembelajaran kini tidak boleh bergantung kepada silibus sahaja. Guru perlu memainkan peranan penting dalam mendorong semangat keusahawanan seperti mana yang dinyatakan bekas perdana menteri kita. Guru perlu bijak mengatur dan menyusun strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran disamping menerapkan ciri keusahawanan. Guru perlu kreatif dalam menarik minat pelajar terhadap keusahawanan.

Cabaran pendidikan kini menuntut guru atau pendidik melipatgandakan usaha, melengkapkan diri dengan kemahiran ikhtisas yang relevan dengan perubahan. Guru harus mempersiapkan minda untuk menerima perubahan besar dan bersifat meneroka (Musa, 1992). Teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan seharusnya dapat merangsang dan mengembang minda pelajar serta menarik minat pelajar ke arah usahawan.

## **Pernyataan Masalah**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut persepsi guru. Faktor-faktor tersebut dilihat dari aspek pengetahuan, minat, sikap dan kurikulum sekolah.

## **Objektif Kajian**

Terdapat empat objektif kajian yang digariskan dalam kajian ini.

1. Mengenalpasti faktor pengetahuan sebagai penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut persepsi guru.
2. Mengenalpasti faktor minat sebagai penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut persepsi guru.
3. Mengenalpasti faktor sikap sebagai penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut persepsi guru.
4. Mengenalpasti faktor kurikulum sebagai penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut persepsi guru.

## **Kepentingan Kajian**

Secara umumnya kajian ini cuba mencari masalah-masalah yang menghalang penerapan ciri keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berdasarkan empat pembolehubah yang telah ditetapkan iaitu pengetahuan, sikap, minat dan kurikulum yang telah ditetapkan dari aspek seseorang guru.

Kajian ini dapat membantu guru-guru di Malaysia dalam menyahut cabaran Wawasan 2020 yang mana memerlukan para usahawan yang berkualiti serta membentuk modal insan yang cemerlang. Kajian ini dapat menegaskan kekurangan yang perlu diperbaiki dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan disekolah.

Selain itu, Kementerian Pendidikan boleh mendapat idea yang baru untuk memantapkan lagi kurikulum pendidikan yang ada hari ini bagi membuka ruang untuk memfokus kepada menyediakan pelajar-pelajar kepada dunia pesat membangun yang menuntut ramai usahawan dilahirkan.

## **Skop Kajian**

Kajian ini melibatkan guru-guru di beberapa buah sekolah. Antara sekolah yang terlibat adalah:

- i. Sekolah Menengah Teknik Arau, Perlis.
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Malim, Melaka.
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Baloi, Pontian, Johor.
- iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Menumbok, Menumbok, Sabah.

Apa yang dikaji dalam kajian ini adalah berdasarkan pengalaman dan pendapat mereka tentang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kajian ini mengkaji sejauhmana faktor pengetahuan, faktor kurikulum, factor sikap dan minat seseorang guru itu menjadi penghalang dalam penerapan ciri keusahawanan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

## **Metodologi**

### **Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Populasi menentukan bidang masalah yang perlu dikaji. Populasi menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul dan dianalisis (Mohd. Najib, 2003).

Di dalam kajian ini, kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih sampel kajian. Persampelan rawak mudah ialah proses mencabut sampel dimana-mana unit yang dipilih secara individu dan langsung melalui proses yang rawak. Cara persampelan ini dipilih kerana cara yang paling mudah dalam memilih responden (Azizi, 2007).

Populasi bagi kajian ini adalah guru-guru diempat buah sekolah. Antara sekolah yang dipilih adalah Sekolah Menengah Teknik Arau, Sekolah Menengah Kebangsaan Malim, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Baloi, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Menumbok. Guru-guru disekolah terlibat akan dipilih secara rawak sebagai responden.

Menurut Mohd Najib (1999), 30 peratus daripada jumlah populasi atau 30 peratus sampel telah mencukupi. Adalah sukar bagi penyelidik untuk mengambil semua responden sebagai sampel dalam populasi yang besar dan kajian ini hanya merupakan kajian tinjauan. Namun begitu, sekiranya penyelidikan dibuat merupakan kajian kes, semua populasi harus diambil sebagai sampel (Mohd Majid, 1990).

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan instrument borang soal selidik untuk memperolehi maklumat daripada subjek yang dikaji. Soal selidik lebih pratikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar kerana ia dapat mengukur ciri-ciri atau pembolehubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak dan akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Mohd. Majid, 1990).

Item-item kajian dibina berdasarkan item-item yang telah diubahsuai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain. Satu set borang soal selidik diberikan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

#### **Bahagian A**

Soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat peribadi responden. Itemitem yang terdapat di dalam bahagian A adalah :

- i. Umur
- ii. Jantina
- iii. Pengalaman Mengajar
- iv. Bidang/ pengkhususan
- v. Taraf Pendidikan

#### **Bahagian B**

Likert dalam (Ary, dll.,1985) telah mencadangkan penggunaan satu set senarai kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu institusi, isu atau aktiviti. Subjek

menunjukkan sama ada mereka sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju atau sangat tidak setuju terhadap setiap kenyataan yang mengukur sikap.

Dalam kajian ini, item-item yang diukur menggunakan skala Likert lima mata. Setiap soalan disediakan lima cadangan jawapan. Responden hanya perlu menyatakan setuju atau tidak terhadap item-item dengan menanda pada skor yang diberikan di penghujung setiap item.

Pembolehubah bersandar adalah faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dari persepsi guru. Pembolehubah bebas adalah pengetahuan guru, minat guru, sikap guru dan kurikulum sekolah. Menurut Azizi (2007), satu bahagian persekitaran yang dimanipulasikan adalah pembolehubah tak bersandar atau bebas. Manakala kesan tingkahlaku manipulasi adalah pembolehubah bersandar.

Dalam kajian yang dilakukan, pembolehubah bebas pertama; tahap penguasaan ilmu pengetahuan bidang keusahawanan seseorang guru akan memberi kesan kepada faktor penghalang dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Secara ringkasnya, positif atau negatinya sikap guru terhadap bidang keusahawanan, sedalam mana minat guru terhadap keusahawanan serta sejauhmana kurikulum pendidikan membenarkan ciri keusahawanan disuntik dalam sesuatu silibus, akan memberi kesan kepada faktor penghalang dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Berdasarkan kepada pembolehubah yang dirangka, soalan item dibina untuk mencapai matlamat utama kajian ini. Jadual pembolehubah juga dibina untuk menunjukkan bilangan item dalam soal selidik.

Jadual pembolehubah dibina berdasarkan matlamat kajian bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan. Jadual ini juga menunjukkan bilangan soalan yang akan dibina.

## **Kajian Rintis**

Kajian rintis digunakan untuk memastikan kebolehpercayaan item-item soal selidik dari sudut kefahaman responden samada dari segi bahasanya, isi kandungannya dan kejelasan maksudnya bagi mendapatkan kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan pula merujuk kebolehan item yang dibina mengukur dengan tepat apa yang dapat diukur.

Menurut Mohd. Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan. Selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis.

Penyelidik memberikan soal selidik tersebut kepada sekumpulan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi sebenar untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Penyelidik telah memilih jumlah responden seramai 10 orang guru PKPG (Program Kursus Pengijazahan Guru) dari kursus Sajana Muda Pendidikan Kemahiran Hidup ( 4 SPH ).

Data yang dikumpulkan daripada kajian rintis ini dianalisis dengan menggunakan Ujian Alpha Cronbach dalam Pakej SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 13.0 sebagai instrumen kajian bagi mengukur kebolehpercayaan item dalam soal selidik. Hasil dapatan kajian memperolehi nilai pekali Alpha adalah 0.86. Justeru itu, nilai pekali Alpha yang diperolehi adalah tinggi kerana dalam lingkungan nilai 0.8 hingga 1.0, dan item-item tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi serta boleh digunakan di dalam kajian. Tetapi sekiranya nilai Alpha rendah iaitu di bawah 0.8, item-item tersebut perlu diubahsuai atau diganti.

## **Perbincangan**

### **Profil Responden**

Hasil analisis profil responden, jelas menunjukkan jumlah responden adalah seramai 94 orang guru dan terdiri daripada 66 perempuan dan 28 orang responden lelaki. Responden terdiri daripada pelbagai peringkat umur 24 hingga umur bersara dengan peratusan tertinggi adalah 38.3% atau seramai 36 orang responden berumur antara 24 hingga 30 tahun dan 12.8% berumur antara 36 hingga 40 tahun. Semua responden mempunyai pengalaman mengajar dengan taburan peratusan paling tinggi pengalaman mengajar antara enam hingga sepuluh tahun adalah 35.1%.

Responden juga terdiri daripada pelbagai bidang pengajaran dan pengkhususan masing-masing. Bagi bidang Bahasa Melayu dan Matematik adalah 17% dan bidang Vokasional dan Kejuruteraan adalah paling rendah dengan 3.5% dan 5.3%. Selain itu, responden juga terdiri daripada 66% berkelulusan Ijazah Sarjana Muda, 26.6% responden memiliki Diploma dan 7.4% adalah lulusan Ijazah Sarjana dalam pelbagai bidang.

### **Persoalan Kajian Pertama**

Persoalan kajian pertama, faktor yang dikaji adalah faktor pengetahuan guru dalam bidang keusahawanan. Hasil analisis menunjukkan faktor pengetahuan guru dalam bidang keusahawanan mempunyai tahap yang sederhana dengan minnya adalah 2.28 berdasarkan skala tiga mata. Tahap pengukuran sederhana ditakrifkan sebagai faktor penghalang dalam penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Item pertama berkaitan dengan pengalaman terlibat dalam perniagaan, hanya beberapa orang guru sahaja yang pernah terlibat dalam perniagaan. Ini menunjukkan pengetahuan guru tentang keusahawanan tidak dijana melalui pengalaman atau terlibat dalam aktiviti yang menyumbang pengalaman serta pembelajaran tentang keusahawanan. Bagi item kedua, ketiga dan keempat, adalah mengenai pengetahuan guru tentang konsep serta cara menjalankan perniagaan, hampir separuh sahaja yang tahu dan ini disebabkan mereka pernah belajar subjek keusahawanan.

Menurut kajian yang dilakukan Zaharuddin (1995), ilmu pengetahuan itu tidak semestinya diperolehi secara pendidikan formal tetapi boleh juga dijana dengan melalui sumber yang berwibawa seperti menyertai aktiviti berkaitan, mengumpul pengalaman lalu dijadikan pengetahuan baru. Jadi guru kurang pengetahuan tentang keusahawanan kerana tidak ramai yang mendapat pendidikan keusahawanan secara formal serta tidak pernah terlibat dalam aktiviti keusahawanan atau perniagaan untuk mendapatkan pengetahuan melalui pengalaman.

Bagaimanapun, berdasarkan kepada item kelima dan ketujuh yang dibina untuk mengetahui tahap pengetahuan guru dalam bidang keusahawanan, rata-rata guru tahu tentang risiko dalam perniagaan dan mengikuti perkembangan ekonomi negara. Namun pengetahuan itu belum cukup untuk menarik minat atau menyemai minat pelajar tentang keusahawanan. Ini bertepatan dengan hasil kajian Shahril (2002), iaitu pengetahuan yang dimiliki oleh guru-guru sekarang belum memadai terutamanya dalam menghadapi dunia pendidikan yang kerap berubah mengikut peredaran masa.

Menurut Razak (1993), guru kurang pendedahan kepada ilmu-ilmu terbaru dan guru tidak boleh cepat berpuas hati dengan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Jadi guru perlu sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan mereka supaya seiring dengan sistem pendidikan yang kerap berubah kerana kesan peredaran zaman.

Guru-guru masa kini perlu lebih tekun mencari ilmu bukan sahaja dalam bidang pengajaran mereka sahaja malah dalam bidang-bidang lain seperti bidang keusahawanan. Menurut Ramziah (2000), dalam kajiannya mencadangkan guru patut diberi garis panduan bagi membantu mereka dalam meningkatkan dan memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kini Kementerian Pelajaran dalam proses menyediakan satu mekanisme khas iaitu Standard Guru Malaysia (SGM) yang akan menjadi rujukan piawaian kualiti guru diseluruh negara pada masa akan datang. Mekanisme ini berperanan mengawal kualiti guru supaya guru sentiasa peka terhadap keperluan negara.

Dalam rangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) jelas menyebut tentang corak modal insan yang perlu dilahirkan serta ciri keusahawanan yang perlu diterapkan dalam sistem pendidikan. Tuntutan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) ini membuktikan guru-guru perlu bersedia dengan ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan selain daripada memantapkan pengetahuan dalam bidang atau pengkhususan masing-masing.

Berdasarkan hasil analisis data bagi faktor pengetahuan merupakan faktor penghalang dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran. Dapatan ini bertentangan dengan apa yang diperlukan oleh sistem pendidikan negara ini sepertimana yang terancang dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.

Oleh itu guru-guru perlu berusaha untuk mencari ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan supaya faktor pengetahuan dalam bidang keusahawanan bukan lagi faktor penghalang dimasa akan datang dan guru-guru dapat melaksanakan tanggungjawab menerap ciri keusahawanan serta menarik minat pelajar ke arah bidang keusahawanan lalu mencapai hasrat negara melahirkan usahawan-usahawan yang akan membangunkan ekonomi negara.

Sistem pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan usahawan dengan harapan negara usahawan-usahawan yang terdidik ini akan membangunkan ekonomi negara. Menurut kajian yang dilakukan oleh Khairul Azha (2003), peranan usahawan dalam ekonomi negara tidak dapat disangkal lagi. Menurutnya lagi, usahawan merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi negara dimasa akan datang. Justeru itu, aspek keusahawanan perlu diterapkan dalam semua subjek di sekolah mahupun institut pengajian tinggi bagi menarik minat mereka kearah bidang keusahawanan. Menurut Juriah (1997), remaja perlu dibentuk dan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang mempunyai wawasan dan berpandangan jauh ke arah Wawasan 2020.

Usaha menerapkan ciri keusahawanan adalah selaras dengan Pelan KEkonomi iaitu pelan untuk membentuk negara maju berteraskan pengetahuan ekonomi. Dalam rangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) jelas menuntut guru-guru perlu memiliki ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan untuk mencapai hasrat negara melahirkan usahawan yang dapat membangunkan ekonomi negara.

Kesimpulannya, untuk memantapkan lagi usaha dalam melahirkan lebih ramai usahawan di masa depan, guru-guru perlu menambah ilmu pengetahuan tentang keusahawanan. Faktor pengetahuan merupakan faktor yang sangat penting dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar sekaligus menarik minat pelajar ke arah bidah keusahawanan. Guru-guru harus lebih tekun mendalami ilmu tentang keusahawanan supaya faktor pengetahuan dalam bidang keusahawanan bukan lagi satu penghalang dalam menerapkan ciri-ciri keusahawanan dalam pengajaran.

## **Persoalan Kajian Kedua**

Persoalan Kajian Kedua dengan faktor yang dikaji adalah minat guru dalam bidang keusahawanan. Persoalan kajian kedua ini mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 2.41 berdasarkan kepada skala

penyelidik dengan menggunakan skala tiga mata. Ini menunjukkan faktor minat guru dalam bidang keusahawanan bukan merupakan faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Item kesembilan, ke 14 dan ke 16 menunjukkan nilai yang tinggi. Item-item ini adalah mengenai menyokong penerapan ciri keusahawanan di peringkat sekolah, berpendapat positif tentang usaha ini serta gembira dengan hasil reaksi pelajar yang positif terhadap penerapan ciri keusahawanan.

Dapat disimpulkan, guru berkecenderungan terhadap bidang keusahawanan yang disebabkan keadaan mendesak seperti tuntutan menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran. Ini disokong oleh Ee Ah Meng (1996), yang menyatakan minat berkait rapat dengan desakan motif dan gerakbalas emosi dan hasil pengalaman. Ini menunjukkan bahawa minat guru terhadap bidang keusahawanan boleh disemai dalam keadaan yang mendesak guru-guru mencari ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Bagaimanapun, item kesepuluh dan item ke 12 menunjukkan nilai min yang rendah. Item-item ini adalah mengenai minat berbincang tentang keusahawanan dan minat dengan tugas yang berkaitan dengan keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa guru kurang minat berbincang dengan rakan-rakan guru yang lain tentang keusahawanan dan mereka juga tidak minat untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Ini disebabkan oleh perbezaan minat, pendapat serta kecenderungan dikalangan guru terhadap bidang keusahawanan. Menurut Khairul Azha (2003), setiap insan mempunyai minat yang berbeza dan guru juga mempunyai minat, kecenderungan serta pandangan yang berbeza terhadap sesuatu.

Item-item lain yang mempunyai nilai min sederhana adalah seperti item ke 11 dan item ke 15. Item-item ini adalah mengenai minat untuk mengetahui kejayaan seseorang usahawan dan minat merangsang minda pelajar berkaitan dengan keusahawanan. Ini menunjukkan kejayaan seseorang usahawan dapat menarik minat guru untuk mengetahui tentang rahsia kejayaan usahawan itu. Guru yang berkecenderungan mengambil tahu tentang kejayaan usahawan mempunyai pandangan positif terhadap bidang tersebut dan ini dapat menarik minat guru untuk menyelami bidang ini. Oleh itu guru akan terdorong mencari ilmu dalam bidang ini. Dapatan ini disokong oleh Wee Ling (2001), motivasi merupakan satu galakan atau dorongan yang kuat dari segi dalaman atau luaran untuk mempengaruhi tingkahlaku seseorang bagi melakukan perubahan dalam diri sendiri.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, jelas menunjukkan bahawa minat merupakan unsur terpenting untuk mencapai sesuatu kejayaan atau menghasilkan sesuatu yang terbaik. Ia juga merupakan faktor yang menentukan tahap penguasaan pengetahuan bidang keusahawanan dan juga sebagai faktor yang sangat mempengaruhi dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan semasa pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Secara keseluruhannya, faktor minat guru dalam bidang keusahawanan bukan merupakan faktor penghalang usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini kerana minat boleh disemai dan boleh berubah mengikut keperluan dan desakan motif seperti keperluan menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Minat itu akan timbul kerana kecenderungan serta minat guru untuk mengetahui kejayaan usahawan yang akan mengheret individu tersebut mengkaji faktor-faktor kejayaan, tanpa sedar pembelajaran tentang bidang keusahawanan boleh berlaku. Menurut Khairul Azha (2003), hasil kajiannya mendapati minat dalam bidang keusahawanan terbentuk kerana pernah berlakunya pendidikan keusahawanan. Menurut Ashmore (1998), pendidikan keusahawanan itu proses sepanjang hidup.

Faktor minat guru bukan merupakan faktor penghalang dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh itu harapan negara untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang boleh membangunkan ekonomi negara boleh dilaksanakan dengan lebih mudah.

### **Persoalan Kajian Ketiga**

Faktor yang dikaji bagi persoalan kajian ketiga adalah faktor sikap guru terhadap bidang keusahawanan dan bagaimana faktor ini mempengaruhi usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada hasil analisis, persoalan kajian ketiga mempunyai nilai min 2.36 dan tahap pengukuran adalah tinggi. Ini menunjukkan faktor sikap yang dipersoalkan dalam persoalan kajian ketiga ini bukan merupakan faktor penghalang dalam usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pelbagai bentuk item dibina bagi menjawab persoalan kajian ini. Antara item-item yang mempunyai nilai min yang tinggi adalah item ke 17 dan ke 18. Item-item ini adalah mengenai sikap positif adalah menerima keputusan Kementerian Pendidikan mahu ciri keusahawanan diterapkan di sekolah dan menerima keputusan ini sebagai satu cabaran yang positif. Ini jelas menunjukkan sikap positif guru-guru yang bersedia menerima cabaran dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar.

Dapatan ini disokong oleh kajian Khairul Azha (2003), pemikiran serta sikap yang positif akan mendorong minat guru dalam menguasai pengetahuan terhadap sesuatu bidang baru bagi diri guru tersebut. Oleh itu, usaha menerapkan ciri keusahawanan semasa proses pengajaran dan pembelajaran ke arah melahirkan lebih ramai usahawan, dapat dilaksanakan dengan guru kekal bersikap positif dengan menerima beban tugas ini sebagai cabaran yang positif untuk kemajuan negara di masa hadapan.

Sistem pendidikan berupaya untuk membentuk dan mengasah bakat keusahawanan dalam diri pelajar sekiranya guru boleh memainkan tugas dengan dedikasi. Persekitaran pendidikan yang dilalui juga memainkan peranan penting dalam menyemai sifat atau ciri usahawan ini. Kajian yang dijalankan oleh Jaafar(1993), mendapati sifat-sifat keusahawanan boleh dikenalpasti dan boleh dibentuk serta dididik dikalangan pelajar dengan suasana atau persekitaran pembelajaran ada unsur keusahawanan.

Sikap guru yang positif terhadap bidang keusahawanan dan berpandangan jauh dalam menjalankan tugas mampu menarik perhatian pelajar serta boleh menjadi idola kepada pelajar. Dengan sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan, guru mencari ilmu tentang keusahawanan lalu menyampaikan kepada pelajar dengan mudah. Menurut Abdul Fatah, (1997), sikap yang baik ini akan membentuk insane yang baik sekaligus melahirkan insan yang berpotensi dan cemerlang.

Selain itu sikap guru juga sangat mempengaruhi pelajar dalam proses pembelajaran. Ini di sokong oleh hasil kajian Asmawati (2002), sikap guru mampu menarik perhatian dan mempengaruhi pelajar dari hasil pembelajaran. Menurut Rahil, Majid dan Zaidatol (1995) pula, sikap ialah sebahagian daripada personaliti individu yang dipengaruhi oleh tingkah laku kumpulan yang ada hubungan dengannya.

Secara keseluruhannya, faktor sikap bukan merupakan penghalang dalam menerapkan ciri keushawanan dalam pengajaran. Sikap guru yang positif terhadap sesuatu yang baru serta berpandangan jauh merupakan sikap yang patut diamalkan oleh setiap individu dalam membuat apa-apa keputusan atau menilai sesuatu.

### **Persoalan Kajian Keempat**

Persoalan kajian keempat mengkaji sejauhmana faktor kurikulum sekolah menjadi penghalang dalam penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, nilai min yang diperolehi bagi persoalan kajian ini adalah 2.36 dan ini menunjukkan tahap pengukuran yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa faktor kurikulum sekolah bukan faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.



Terdapat beberapa item yang mempunyai nilai min yang tinggi seperti item ke 25 dan item ke 30. Item-item ini adalah tentang elemen keusahawanan boleh diterapkan dalam isi pengajaran mengikut kesesuaian subjek dan elemen keusahawanan boleh diterapkan dalam aktiviti pengukuhan. Hasil analisis item ini menunjukkan bahawa bidang keusahawanan boleh merentasi kurikulum sekolah melalui penerapan ciri keusahawanan tersebut mengikut kesesuaian subjek atau mata pelajaran. Penerapan ciri keusahawanan juga boleh diterapkan melalui aktiviti pengukuhan semasa proses pengajaran dan pembelajaran ini.

Dapatan ini bertepatan dengan matlamat kurikulum sekolah atau Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang umum dan fleksibel. KBSM kerap berubah mengikut keperluan negara, industri dan sebagainya. Menurut Zaiton (2008), matlamat kurikulum KBSM berbentuk umum dan fleksibel mengikut keperluan semasa supaya kurikulum yang dirancang relevan dengan keperluan negara, masyarakat dan tidak ketinggalan zaman. Menurutnya lagi, kurikulum hari ini dapat menerapkan pelbagai perkara lain seperti pendidikan alam sekitar, keselamatan jalan raya, hak pengguna dan sebagainya kerana perkara-perkara tersebut penting dan perlu disampaikan kepada pelajar.

Bagaimanapun, terdapat beberapa item yang mempunyai nilai min yang rendah. Antaranya adalah item ke 26 dan ke 28. Item ini adalah tentang tidak semua subjek ataupun silibus pengajaran dan pembelajaran boleh diterapkan dengan ciri keusahawanan kerana kurang sesuai dengan isi pelajaran. Di sini guru perlu memainkan peranan menyusun dan mengatur strategi pembelajaran yang sesuai untuk menerapkan ciri keusahawanan.

Usaha ini sangat penting bagi melahirkan pelajar yang akan menghadapi dunia yang serba mencabar. Menurut Ramziah (2000), pelajar masa kini harus diorientasikan dengan dunia perniagaan dan perdagangan supaya pelajar nampak realiti dalam kehidupan yang akan mereka hadapi. Oleh itu guru-guru perlu membantu pelajar dengan menerapkan ilmu-ilmu berguna. Seperti dalam kajian Ramziah (2000), guru-guru perlu membantu pelajar mengenalpasti kelemahan dan kelebihan pelajar seterusnya dapat menerapkan minat dan memberi peluang kepada pelajar membuat pilihan arahnya masa depan diri pelajar itu sendiri.

Pendidikan keusahawanan itu penting bagi melahirkan individu-individu yang menjadi tulang punggung kemajuan ekonomi negara. Oleh itu kurikulum sekolah perlu sentiasa dipantau dan dibuat penambahbaikan bagi memastikan KBSM sentiasa relevan dengan keperluan dan keadaan semasa. Menurut Rahim (2007), faktor-faktor yang mempengaruhi pembaharuan kurikulum adalah perkembangan ilmu, kehendak masyarakat, dasar kerajaan, idea-idea baru dan kelemahan kurikulum yang sedia ada. Dasar kerajaan merupakan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh semua anggota masyarakat. Pendidikan merupakan satu daripada elemen penting dalam melaksanakan dasar kerajaan. Dalam konteks pendidikan untuk mencapai negara maju, perubahan-perubahan yang sesuai perlu dilaksanakan dalam kurikulum.

Menerusi kajian yang dilakukan oleh Ramziah (2000), pendidikan keusahawanan sejak dulu lagi cuba disuntik kedalam kurikulum sekolah. Hasil dapatan kajian beliau mendapati pada tahun 1984, pendidikan keusahawanan diterapkan dalam matematik bagi pendidikan sekolah rendah. Pada tahun 1993 pendidikan keusahawanan diterapkan pada pelajar tahun tiga. Pada tahun 1994 pendidikan keusahawanan dijadikan sebagai satu komponen dalam matapelajaran Kemahiran Hidup bagi pelajar tahun empat, lima dan enam. Bagi sekolah menengah pula tajuk perdagangan dan keusahawanan dijadikan sebagai teras dalam Kemahiran Hidup.

Kini bidang keusahawanan diterapkan dalam semua sukatan matapelajaran merentasi kurikulum sekolah rendah, sekolah menengah dan hingga ke peringkat pengajian yang lebih tinggi bagi memupuk minat pelajar dalam bidang ini. Faktor kurikulum bukan merupakan faktor penghalang dalam menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran merentasi kurikulum atau silibus pengajaran guru. Oleh itu usaha menerapkan ciri keusahawanan dalam pengajaran demi mendedah atau membuka minda pelajar ke arah

bidang keusahawanan menjadi lebih mudah kerana kurikulum sekolah bukan merupakan faktor penghalang kepada usaha ini.

## **Rumusan**

Hasil daripada keseluruhan perbincangan, dapat disimpulkan secara ringkas bahawa faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran yang cuba dikenalpasti dalam kajian ini adalah faktor pengetahuan. Faktor lain yang dikaji seperti minat, sikap dan kurikulum bukan merupakan faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan.

Aspek pengetahuan yang dikaji dalam persoalan kajian pertama merupakan faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut perspektif guru. Terdapat banyak perkara yang telah dibincangkan menyumbang kepada kurangnya pengetahuan guru dalam bidang keusahawanan. Antaranya ialah tidak mendapat pendidikan usahawan, kurang pendedahan dalam bidang keusahawanan dan tidak diberi peluang, kurang aktiviti yang menyumbang pengalaman keusahawanan di sekolah dan sebagainya.

Daripada perbincangan, aspek minat yang dikaji dalam persoalan kajian kedua bukan faktor penghalang. Hasil perbincangan menunjukkan minat boleh dipengaruhi oleh desakan, keperluan dan tanggungjawab yang diamanahkan. Oleh itu minat guru boleh dipupuk dan faktor ini tidak menjadi penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Aspek sikap yang dikaji dalam persoalan kajian ketiga bukan merupakan faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan. Hasil perbincangan menunjukkan sikap guru yang positif, fikiran yang positif dan berpandangan jauh terhadap bidang keusahawanan menjadikan faktor ini bukan faktor penghalang dalam penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Aspek kurikulum yang dikaji dalam persoalan kajian yang terakhir bukan merupakan faktor penghalang. Daripada perbincangan yang telah dibuat, bentuk kurikulum sekolah negara kita adalah berbentuk umum dan fleksibel mengikut peredaran masa. Selain dari itu, kemampuan guru-guru memainkan peranan dalam menjalankan tanggungjawab juga merupakan perkara yang menyumbang kepada persoalan kajian ini.

Secara keseluruhan, pengetahuan guru perlu ditingkatkan lagi bagi menjamin tidak ada lagi faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **Rujukan**

Abdul Fatah. (1997). *Keupayaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Tingkatan 4 Sek. Men. Teknik Kuantan. Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana Muda Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Abdul Rahim Hamdan (2007). *Pengajian Kurikulum*. Skudai: Penerbit UTM Abdullah Hasaan Dan Ainon Mohammad (2000). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bistari*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Abu Bakar Nordin (1984). *Asas Mengenalpasti Pendidikan*. Kuala Lumpur :

Abu Hassan Kassim (1997). *Panduan Penyelidikan dalam Sains Sosial. Monograf*. Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan.

- Asmawati Hashim (2002). *Persepsi Pelajar Terhadap Peranan Koperasi Sekolah Dalam Membentuk Sifat Keusahawanan*. Tesis Sarjana Muda Serta Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Atan Long (1991). *Pedagogi, Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya, et all (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. PTS Professional, Publishing Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (1996). Kajian Penilaian Pelaksanaan KBSM Peringkat Menengah Atas : Kajian kes, “Prosiding Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM : Isu dan Hala Tuju Strategik Ke Arah Abad 21.” Institut Aminuddin Baki : 2 – 6 September.
- Bidang Perancangan Dasar dan Penilaian Kurikulum (1996, Februari). Pusat Perkembangan Kurikulum. *Kementerian Pendidikan Malaysia*. Retrieved June 29, 2007, from <http://www.kpm.gov.my>.
- Dictionary of Education (2003)*. Retrieved June 29, 2007, from <http://www.sbmb.dbp.gov.my/kamus>.
- Donald Ary, Lucy Cheser Jacobs Dan Asghar Razavieh (1985). *Introduction To Research In Education*. CBS Publishing, New York.
- Ee, Ah Meng (1996). *Psikologi Pendidikan 1, Psikologi Perkembangan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Faizatul Farlin Farush Khan (2008, July 28). Tugas sama penting guru tetap. *Harian Metro*. Retrieved June 29, 2007, from <http://www.harianmetro.com.my>. Heinmann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- James H. McMillan (1996). *Education Research*. New York: Harper Collins Publisher Inc.
- Kamus Dewan (1996). Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kamus Pelajar (2004). Retrieved June 29, 2007, from <http://www.sbmb.dbp.gov.my/kamus>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia ( 1979 ). *Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuratko, D.F and Hodgetts, R.M (1992). *Enterprenuership A Contemporary Approach*. (6th ed.) The Dryden Pres: A Harcourt Brase Jovanorich College Publisher.